

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1994/95

OKTOBER/NOVEMBER 1994

RPK 421 - Landskap

Masa : (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan: Semua soalan daripada Bahagian A dan tiga soalan daripada Bahagian B.

Bahagian A

1. Buku 'Design With Nature' karangan Ian McHarg menekankan betapa pentingnya penyesuaian antara struktur buatan manusia dengan alam tabi'i.
 - (a) Bincangkan pendekatan Ian McHarg dalam memenuhi kehendak di atas.
 - (b) Lakarkan prosedur analisis Ian McHarg terhadap projek-projek pembangunan yang beliau jalankan.

(20 markah)

2. Malaysia mempunyai banyak kawasan terganggu khususnya kawasan-kawasan perlombongan terbiar.
 - (a) Bagaimanakah pemulihan kawasan terganggu ini harus dijalankan?
 - (b) Bincangkan polisi-polisi dan aturcara untuk meminimumkan kesan gangguan terhadap alam sekitar.

(20 markah)

... 2/-

Bahagian B

3. Dalam perancangan landskap, faktor ekologi adalah bidang kajian yang penting dalam menentukan kesesuaian sesuatu projek.

- (a) Huraikan istilah ekologi dan ekosistem.
- (b) Nyatakan empat (4) teknik pengumpulan maklumat dan analisis landskap.
- (c) Bincangkan konsep 'Ecological Determinism'.

(20 markah)

4. Tumbuhan hiasan adalah merupakan komponen penting dalam rekabentuk landskap.

- (a) Bincangkan fungsi-fungsi penggunaan tumbuhan hiasan dalam rekabentuk landskap.
- (b) Nyatakan nama saintifik lima belas (15) spesis tumbuh-tumbuhan yang seringkali digunakan dalam aktiviti penlandskapan.

(20 markah)

5. Tanah adalah merupakan medium yang penting dalam menentukan kesuburan sesuatu tumbuhan hiasan yang digunakan.

- (a) Bincangkan mengenai struktur dan tekstur tanah.
- (b) Bagaimana campuran medium penanaman dijalankan.

(20 markah)

... 3/-

6. Perancangan tapak untuk padang golf memerlukan anda menentukan bahawa perlaksanaannya tidak akan mendatangkan impak yang negatif kepada alam sekitar.
- (a) Bincangkan perancangan tapak untuk sebuah padang golf.
 - (b) Huraikan perundangan yang perlu anda ketahui dan ikuti dalam pembinaan padang golf.
 - (c) Huraikan impak-impak negatif yang mungkin terjadi daripada pembinaan sebuah padang golf.

(20 markah)

7. Berpandukan kepada bahan rujukan yang telah anda jalankan dalam memenuhi tugas pertama, bincangkan beberapa aspek teori, perancangan, pelaksanaan atau pengurusan mengenai salah satu daripada bidang-bidang berikut:
- (a) arkitektur landskap
 - (b) penggunaan tumbuhan hiasan
 - (c) rekabentuk landskap
 - (d) seni taman
 - (e) perancangan landskap

Sila berikan tajuk buku dan pengarang berkaitan bidang yang anda bincangkan.

(20 markah)

ooooOooo